

# ADUN Jepak sasar 25 peratus penurun bilangan penagih dadah



**RASMI...** Iskandar Turkee menyempurnakan simbolik perasmian Program Jom Gegar Jepak: Sahabat Maritim Bebas Dadah Bersama Komuniti Jepak di Balai Raya Kampung Jepak, Bintulu semalam.

**BINTULU:** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jepak, Iskandar Turkee menyasarkan bilangan penagih dadah di Dewan Undangan Negeri (DUN) itu menurun sebanyak 25 peratus pada akhir tahun ini.

Bagi memastikan sasaran itu tercapai, katanya, Kempen kesedaran dan pencegahan antidadah perlu dilaksanakan secara kerap serta melibatkan semua pihak.

"Berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh Agensi Anti-

dadah Kebangsaan (AADK), seramai 306 individu di Daerah Bintulu terlibat dalam masalah penagihan dadah.

"Jumlah berkenaan adalah keempat tertinggi daripada 3,079 jumlah keseluruhan individu dikesan terlibat dengan gejala terbabit di Sarawak pada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Perasmian Program Jom Gegar Jepak: Sahabat Maritim Bebas Dadah Bersama Komuniti Jepak di Balai

Raya Kampung Jepak di sini, semalam.

Tambahnya, di Jepak, jumlah yang dicatatkan oleh AADK Bintulu adalah seramai 79 orang untuk rekod tahun lalu.

"Namun jumlah ini tidak bermaksud ia boleh dipandang ringan olen semua pihak. Justeru selaku ADUN yang bertanggungjawab, saya mensasarkan penurunan penagihan dadah sebanyak 25 peratus pada akhir tahun ini," jelasnya.

Untuk tahun ini, Iskandar

memberitahu, pihak Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) merupakan agensi pertama menghulurkan kerjasama bersama pihaknya dengan menganjurkan program sedemikian.

"Program kerjasama ini adalah bertepatan dengan hasrat saya ingin memastikan masyarakat di DUN Jepak ini bebas daripada dadah.

"Apabila tiada cengkaman masalah berkenaan, maka pembangunan komuniti dapat berjalan sebagaimana dirancang oleh kerajaan negeri,"

ujarnya.

Turut hadir ialah Setiausaha Eksekutif, Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPS) Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dr. Zufar Yadi Brendan Abdullah Pegawai Daerah Bintulu Muhammad Dino Amid; Pengarah Komunikasi Korporat, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Faridah Shuib dan Dekan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains UPM Kampus Bintulu Profesor Madya Dr. Mohamad Maulana Magiman.



**LAWAT...** Iskandar Turkee melawat pempamer yang ada pada Program Jom Gegar Jepak: Sahabat Maritim Bebas Dadah Bersama Komuniti Jepak di Balai Raya Kampung Jepak, Bintulu, semalam.